

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT@WONG
NYUK FOH
[SANDAKAN]**

TARIKH : 15.06.2015 (ISNIN)

NO. SOALAN : 68

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan perancangan Kerajaan untuk mengadakan skim sewa-beli ke atas PBR atau PPRT kepada rakyat Sabah terutamanya golongan miskin.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Program Bantuan Rumah(PBR) di bawah Kementerian ini tidak melibatkan skim sewa-beli khususnya kepada penerima bantuan rumah PBR, di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Ini kerana penerima bantuan adalah terdiri daripada keluarga miskin dan miskin tegar yang relatifnya menghadapi kekangan kewangan bagi membina atau membaik pulih rumah.

Oleh yang demikian, pelaksanaan penyediaan bantuan rumah kepada golongan miskin dan miskin tegar menerusi PBR adalah **secara geran**, yang mana penerima tidak perlu membayar balik bantuan yang diberikan sama ada projek bina baru atau baik pulih rumah.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN
BAHAROM [KUBANG PASU]
TARIKH : 15 JUN 2015 [ISNIN]
SOALAN : 69

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bahawa pada tahun 2006, Kementerian telah melancarkan program Angkasawan Negara dan pada tahun 2007, Malaysia telah menghantar Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor ke angkasa lepas. Setelah 9 tahun program tersebut dilancarkan, sejauh manakah sumbangan program tersebut kepada peningkatan program angkasa lepas negara dan apakah hasil daripada program tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, Program Angkasawan Negara (PAN) telah banyak memberikan sumbangan dan impak terhadap peningkatan dan anjakan taraf program angkasa lepas negara yang meliputi:

1. Bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Program Angkasawan Negara (PAN) telah membuka peluang kepada penyelidik dan saintis tempatan untuk menerokai bidang baharu iaitu

sains mikrograviti dengan memanfaatkan persekitaran unik di angkasa lepas untuk menjalankan penyelidikan. Terdapat enam penyelidikan yang telah dijalankan oleh angkasawan Malaysia dalam masa lapan hari di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS). Kesemua penyelidikan tersebut telah menghasilkan kertas kerja saintifik yang diterbitkan di dalam jurnal tempatan dan antarabangsa.

Selain daripada itu, output luar jangka juga telah dihasilkan menerusi teknologi *spin-off* iaitu *Portable Sterilizer* dan *Laminar Hood Sterilizer* yang sedang dalam proses protaip melibatkan kerjasama syarikat antarabangsa. Negara juga telah menghasilkan satu tanda dagangan (*trade mark*) iaitu 1-RAP-NHOst (*re-adapted normal human Osteoblast*) hasil daripada penyelidikan tersebut. Di samping itu, sebanyak lapan paten telah difailkan di Malaysia dan Amerika Syarikat.

2. Pembangunan Modal Insan

Program Angkasawan Negara telah berjaya melahirkan seramai 99 bakat terlatih terdiri daripada penyelidik, pengurusan projek, pengurusan dokumentasi, pengurusan komunikasi dan penasihat teknikal bidang sains mikrograviti. Kumpulan ini bertindak sebagai kumpulan nuklues yang giat melaksanakan aktiviti melatih bakat-bakat baharu untuk kesinambungan dan penerusan program mikrograviti negara.

3. Pembudayaan Sains Angkasa

Salah satu teras dalam pelaksanaan Program Angkasawan Negara adalah melaksanakan aktiviti pendidikan dan kesedaran umum secara bersepadu dan berterusan yang melibatkan lain-lain Kementerian.

Sebanyak lebih daripada dua ratus aktiviti yang berupa program pendidikan, seminar, bengkel pembangunan modul latihan dan ceramah kesedaran awam mengenai sains angkasa telah dijalankan di seluruh negara. Aktiviti-aktiviti ini dilihat telah mewujudkan sinergi dalam mempertingkatkan lagi kesedaran dan minat generasi muda dan rakyat Malaysia terhadap penerokaan dan teknologi sains angkasa. Secara umumnya, peningkatan kesedaran dan membuka minda generasi muda, terutamanya pelajar sekolah mengenai potensi sains angkasa dan kerjaya. Ini telah dapat dibuktikan dengan penyertaan penuh setiap kali aktiviti anjuran Kementerian diadakan.

4. Kerjasama dan Hubungan Antarabangsa

Kerjasama antarabangsa telah berjaya diwujudkan dalam bidang sains mikrograviti dengan beberapa pihak agensi angkasa antarabangsa seperti *National Aeronautics and Space Administration (NASA)*, Amerika Syarikat; *European Space Agency (ESA)*, Kesatuan Eropah; *Japan Aerospace Exploration Agency (JAXA)*, Jepun; dan *Russian Federal Space Agency (ROSCOSMOS)*, Rusia dan *United Nations Office for Outer Space Affairs (UNOOSA)*.

5. Pengiktirafan Antarabangsa

Impak terhadap peningkatan dan anjakan taraf program angkasa lepas negara boleh diterjemahkan menerusi peranan Malaysia di peringkat antarabangsa yang semakin menyerlah. Ini telah dibuktikan melalui penglibatan Malaysia dalam program-program inisiatif antarabangsa seperti Program *International Heliophysical Year (IHY) 2007-2009*,

Program *International Year of Astronomy (IYA)* 2009 dan Program *International Space Weather Initiative (ISWI)* 2010-2012.

Susulan daripada Program Angkasawan Negara, Kementerian juga telah diberi kepercayaan oleh *International Astronomical Union (IAU)* untuk menganjurkan Program *International School for Young Astronomy (ISYA)* pada tahun 2007 dan *The 9th Capacity-Building Workshop* pada 2008 oleh *Committee on Space Research (COSPAR)*.

Pada tahun 2011, Malaysia telah mendapat pengiktirafan oleh *United Nations Office for Outer Space Affairs (UNOOSA)* untuk menganjurkan *Human Space Technology Expert Meeting (HSTEM)* di bawah program *Human Space Technology Initiative (HSTI)*. Manakala *19th Asian Pacific Regional Space Agency Forum (APRSAF-19)* pada tahun 2012.

Sekian, terima kasih.